

**UCAP UTAMA**  
**MUFTI MOHAMED FATRIS BAKARAM**  
**DI SEMINAR ASATIZAH 2012**  
**SABTU 11 FEB 2012**

Keutuhan kehidupan beragama umat Islam adalah didasarkan kepada asas keimanan yang kukuh dan keinginan untuk menyuburkan kebaikan di dalam kehidupan.

Ini hanya boleh terhasil apabila ilmu dijadikan sebagai landasan di dalam manusia berfikir dan bertindak, dan ilmu dibangunkan sebagai budaya yang mencorak kehidupan sesebuah masyarakat.

Oleh sebab itu, sejarah menggambarkan kepada kita bagaimana kehidupan beragama umat Islam kekal sejahtera kerana asas iman yang ada dipandu oleh ilmu.

Namun kita juga mengetahui bahawa para anggota sesebuah masyarakat tidak semuanya memiliki tahap keilmuan yang setara, termasuk di dalam perkara keagamaan. Maka Islam mengaturkan supaya yang kurang berpengetahuan di dalam sesuatu perkara merujuk dan mendapatkan panduan daripada yang mengetahui. Ini disebut di dalam al-Quran, Surah al-Anbiya', ayat 7:

“Maka bertanyalah kepada yang memiliki ilmu sekiranya kamu tidak mengetahui”

Para asatizah sekalian,

Pengertian yang terkandung di dalam ayat ini merupakan di antara faktor yang mendorong terbentuknya Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) yang dilancarkan pada tahun 2005. Wujud keprihatinan pada ketika itu terhadap wujudnya individu-individu yang tidak terlatih di dalam bidang keagamaan bertindak sebagai guru agama di dalam masyarakat. Atas kesedaran bahawa usaha perlu dilakukan untuk membantu masyarakat mendapatkan bimbingan keagamaan hanya dari asatizah yang berkelayakan, Muis dan Pergas telah berkerjasama melancarkan Skim Pengiktirafan Asatizah ini.

Alhamdulillah, maklumbalas yang dikumpulkan sejak skim ini diperkenalkan pada tahun 2005 menunjukkan bahawa golongan asatizah dan masyarakat umum menerimanya dengan baik dan kesannya juga didapati amat positif.

Di dalam masa yang sama, terdapat saranan-saranan membina untuk kita terus mempertingkatkan lagi skim ini agar bukan sahaja ia kekal relevan, bahkan menghasilkan kesan yang lebih meluas dan bermanfaat. Muis, Pergas dan Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB) telah mempertimbangkan saranan-saranan ini dan membuat langkah ke hadapan untuk mempertingkatkan.

Satu aspek peningkatan skim ARS ini yang paling menarik perhatian saya dan amat saya senangi ialah elemen peningkatan ilmu dan kemahiran di kalangan asatizah yang telah diiktiraf. Kini, para asatizah yang telah memperoleh pengiktirafan ARS perlu memperbaharui pengiktirafan tersebut setiap tiga tahun. Dan untuk ia diperbaharui, para asatizah dikehendaki memenuhi syarat minimum 10 jam latihan setiap tahun.

Alhamdulillah, seperti yang saya secara pribadi jangkakan, umumnya para asatizah yang hadir sesi-sesi maklumbalas yang kita adakan sepanjang beberapa bulan yang lalu, telah melahirkan persetujuan dan sokongan terhadap inisiatif ini. Saya yakin sikap yang amat positif ini adalah didorong oleh prinsip keilmuan yang kita pegang teguh selama ini sebagai golongan guru dan ilmuwan agama.

Kesungguhan para asatizah untuk terus mempertingkatkan ilmu dan kemahiran adalah sesuatu yang kita warisi daripada alim ulama kita yang terdahulu. Betapa mereka menjadi contoh unggul sebagai jaguh-jaguh ilmu, yang tidak pernah berhenti mencari, menggali dan mengkaji ilmu sehingga ke lembaran terakhir hayat mereka. Tidak ada istilah "khatam" di dalam kamus pencarian ilmu mereka. Di dalam masa yang sama, tidak juga wujud "batas pengkhususan" di dalam bidang ilmu yang mereka kaji. Apa sahaja pengetahuan berguna yang mereka temui, mereka berusaha memahami dan menguasainya. Sebab itu kita dapati setiap dari para ulama terdahulu kita menjadi jaguh dalam beberapa bidang ilmu.

Saya percaya etos yang sedemikian unggul yang dimiliki para ulama kita adalah bersumberkan prinsip yang terkandung di dalam ayat "fas alu ahl al-zikri" yang saya sebut tadi. Yang tidak berpengetahuan disuruh bertanya kepada yang mengetahui, sementara yang memiliki pengetahuan juga tidak seharusnya berhenti berusaha menambahkan pengetahuan yang sedia ada. Saya katakan ayat "fas alu ahla al-zikri" ini menjadi paksinya kerana istilah "ahl al-zikri" digunakan untuk merujuk kepada golongan yang berilmu. Perkataan "zikh" itu bukannya membawa dua maksud asas, iaitu pertama: ingat dan fikir, dan kedua: sebut dan bicara. Perbuatan ingat, fikir, sebut dan bicara merupakan pekerjaan insan yang berterusan dan tiada habisnya selagi hayat seorang insan masih dikandung badan.

Maka saya melihat pemilihan istilah "ahl al-zikr" di dalam ayat tersebut untuk merujuk kepada golongan yang berilmu mengandungi pengertian yang amat

signifikan. Maka sepertimana yang kurang berilmu disuruh supaya jangan berhenti bertanya, yang berilmu juga disuruh supaya jangan berhenti beringat dan berfikir, menyebut dan berbicara, mengenai ilmu yang dianugerahkan Tuhan.

Oleh yang demikian, suka saya mengambil kesempatan ini untuk berseru kepada sekalian guru agama di Singapura ini untuk terus mempertingkatkan ilmu yang telah sedia kita miliki. Skim ARS yang dipertingkatkan ini adalah satu komitmen pihak Muis dan Pergas ke arah pembangunan berterusan golongan asatizah. Walaupun syarat yang ditetapkan hanya 10 jam latihan setahun, saya ingatkan juga diri saya dan sekalian asatizah untuk kita terus berusaha mempertingkatkan pengetahuan lebih dari sekadar 10 jam latihan itu. Membaca adalah kunci ilmu yang amat kritikal, para asatizah sekalian. Suburkanlah budaya membaca dalam hidup dan kerjaya kita. Kerana para ulama terdahulu kita tidak pernah berhenti membaca, walau setelah mereka menjadi ilmuwan-ilmuwan agung yang disanjung masyarakat, seperti yang saya nyatakan tadi. Di samping itu, luaskanlah pembacaan kita, sepertimana mereka mempelbagaikan bidang keilmuan mereka. Usah kita bataskan pembacaan kita hanya kepada kitab-kitab agama sahaja, tetapi bacalah ambil tahu juga mengenai dunia kita. Bacalah dan fahamilah peristiwa-peristiwa yang berlaku, tren-tren pemikiran yang berkembang serta cabaran-cabaran yang dihadapi masyarakat dunia hari ini.

Para asatizah sekalian,

suasana sekitaran dan dunia semasa skim ARS ini diperkenalkan pada tahun 2005 berbeza daripada apa yang ada pada hari ini. Terdapat suara pada tahun 2005 itu yang mengatakan bahawa skim ARS ini tidak lebih sekadar satu bentuk tindak balas sebagai reaksi kepada gelombang terorisme bertopengkan agama, walaupun sebenarnya tidak demikian motif di sebalik ARS ini. Kewujudan tanggapan tersebut dapat difahami memandangkan trajedi 11 September masih sangat segar, begitu juga kejadian-kejadian pengganasan yang berlaku di

beberapa kota besar dunia. Ditambah pula dengan episod kumpulan Jemaah Islamiah yang menyebabkan kejutan besar kepada rakyat Singapura.

Namun, para asatizah sekalian, sepertimana lazimnya lumrah kehidupan dunia, enam tahun yang berlalu telah menyaksikan banyak perubahan kepada sekitaran hidup kita. Walaupun ancaman penganasan masih wujud di banyak negara, termasuk Singapura, di antara peristiwa besar yang telah mengambil alih isu penganasan memenuhi ruang pemikiran masyarakat dunia pada hari ini ialah pergolakan rantau Timur Tengah. Di Tunisia, Libya, Mesir, Yaman, dan Syria.

Begitu banyak sekali pertumpahan darah yang berlaku. Rakyat di negara-negara tersebut bangkit menuntut hak dan keadilan. Api kebencian dan rasa ketidakpuasan marak sehingga tidak dapat dikawal. Kerana kehidupan perlu berkembang, sedangkan mereka merasakan hidup mereka selama sekian lama dicengkam dan dihambat dari pembangunan.

Pastinya banyak yang perlu kita perhatikan dan kaji daripada peristiwa-peristiwa sedemikian. Kesannya amat besar ke atas kehidupan masyarakat dunia, hinggalah ke dalam negara dan masyarakat kita. Sebagai golongan guru agama, kita tidak boleh mengabaikan perkembangan-perkembangan ini, kerana ia berkait rapat dengan bimbingan yang kita berikan kepada masyarakat.

Marilah sama-sama kita bulatkan tekad membina institusi asatizah dengan satu suara, tenaga, jiwa dan tekad yang utuh. Kita bertanggungjawab bukan hanya kepada masyarakat, tetapi kita juga bertanggungjawab di hadapan Allah di dalam memikul amanah ilmu agama yang suci ini.

Dengan harapan semoga Seminar Asatizah 2012 pada hari ini berjalan dengan lancar dan jayanya, dan dengan lafaz Bismillah, saya merasmikan Skim Pengiktirafan Asatizah yang telah dipertingkatkan (Enhanced ARS) dan saya juga membuka tirai Seminar Asatizah ini.